



Penerangan Kad “Saya perlukan Jurubahasa” untuk Komuniti di Australia Barat



Jika anda sukar berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, kad ini memaklumkan agensi kerajaan bahawa anda perlukan jurubahasa.

Bagaimana menggunakan kad ini?

Tuliskan nama bahasa yang anda tuturkan atau gunakan, di bahagian depan kad ini, dalam bahasa Inggeris. Jika bertutur atau menggunakan lebih daripada satu bahasa, tuliskan nama bahasa yang lain itu mengikut susunan daripada yang paling fasih hingga yang paling kurang fasih. Jika perlu, minta bantuan orang yang memberikan anda kad ini.

Jika perlukan bantuan jurubahasa semasa menggunakan khidmat kerajaan, tunjukkan kad anda ini kepada pegawai berkenaan. Mereka akan cuba mengaturkan bantuan jurubahasa dalam bahasa anda (secara bersemuka atau melalui telefon).

Jika tiada jurubahasa dalam bahasa pertama anda, pegawai akan cuba mendapatkan jurubahasa dalam bahasa kedua atau ketiga anda.

Siapa yang boleh mendapatkan Kad Jurubahasa?

Sesiapa yang memerlukan bantuan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris semasa menggunakan perkhidmatan kerajaan boleh mendapatkan kad ini.

Berapakah harga kad ini?

Kad ini percuma. Jika kad anda hilang, anda boleh mendapatkan kad baharu secara percuma.

Di mana saya boleh mendapatkan kad ini?

Kad ini boleh didapati daripada pusat sumber pendatang, pembekal khidmat masyarakat berbilang budaya, sesetengah hospital awam, sekolah yang mempunyai Pusat Bahasa Inggeris Intensif, sesetengah pihak berkuasa tempatan, WA Deaf Society (Persatuan Kurang Pendengaran WA) dan Kimberley Interpreting Service (Perkhidmatan Jurubahasa Kimberley).

Berapa lama saya boleh menggunakan kad ini?

Anda boleh menggunakan kad ini selagi memerlukan bantuan jurubahasa untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan. Kad ini tiada tarikh tamat tempoh.

Bolehkah orang lain menggunakan kad saya?

Sesiapa yang bertutur atau menggunakan bahasa anda boleh menggunakan kad anda, termasuk ahli keluarga anda.

Bolehkah saya meminta bantuan jurubahasa jika tiada kad?

Ya. Anda masih boleh meminta bantuan jurubahasa di agensi kerajaan walaupun tiada kad.

Adakah saya perlu membayar untuk bantuan jurubahasa?

Tidak. Jika anda layak menggunakan khidmat kerajaan, agensi akan menanggung bayaran jurubahasa.

Bolehkah saya memilih jurubahasa lelaki atau wanita?

Anda boleh memilih jurubahasa lelaki atau wanita. Tetapi tidak semestinya permintaan anda dapat dipenuhi.

Bolehkah saya meminta ahli keluarga atau sahabat menjadi jurubahasa?

Ini tidak digalakkan, kecuali untuk memberikan maklumat asas atau dalam keadaan luar biasa.

Sahabat atau ahli keluarga mungkin mempunyai kaitan emosi, berat sebelah dan kurang kemahiran yang diperlukan. Sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun tidak patut diminta menjadi jurubahasa.

Patutkah saya memaklumkan terlebih dahulu bahawa saya perlukan jurubahasa?

Ya, kecuali dalam keadaan kecemasan, sebaik-baiknya khidmat kerajaan itu dimaklumkan terlebih dahulu supaya bantuan jurubahasa dapat diuruskan.

Bagaimana jika saya tidak memaklumkan mereka terlebih dahulu?

Pegawai berkenaan akan berusaha sedaya upaya untuk membantu anda. Misalnya, mereka mungkin:

- menggunakan jurubahasa melalui telefon, jika tiada jurubahasa bersemuka
- mengaturkan temu janji yang baharu supaya jurubahasa tersedia apabila anda datang
- memberi anda penerangan dalam bahasa yang anda boleh baca, jika ada, atau
- menggunakan pegawai yang boleh bertutur bahasa anda, jika ada, untuk mendapatkan maklumat asas bagi mengaturkan temu janji dengan jurubahasa.

Apakah yang boleh saya lakukan jika permintaan jurubahasa saya ditolak?

Dalam keadaan tertentu, agensi mungkin tidak menyediakan jurubahasa tetapi mungkin cuba membantu dengan cara lain (misalnya, memberikan maklumat dalam bahasa yang anda boleh baca. Namun, sila maklumkan agensi jika tidak dapat membaca dalam bahasa anda sendiri).

Jika perlukan jurubahasa tetapi permintaan anda ditolak oleh agensi, anda boleh membuat aduan kepada agensi berkenaan.

Jika tidak puas hati dengan responsnya, anda boleh menghubungi Ombudsman Australia Barat melalui telefon 9220 7555 atau e-mel mail@ombudsman.wa.gov.au. Anda boleh menulis dalam bahasa anda sendiri.

Di mana saya boleh gunakan Kad Jurubahasa saya?

Bergantung apa yang anda ingin katakan, agensi kerajaan mesti menentukan setiap kali sama ada jurubahasa mesti, patut atau mungkin digunakan. Mereka dikehendaki menggunakan jurubahasa jika hak, kesihatan dan keselamatan anda terancam. Agensi kerajaan yang lebih berkemungkinan menggunakan jurubahasa termasuk:

- hospital awam
- balai polis
- mahkamah dan tribunal
- sekolah kerajaan
- pejabat perumahan awam
- pejabat kerajaan tempatan.

Anda juga patut memeriksa sama ada terdapat doktor dan farmasi di daerah anda yang menerima tawaran khidmat jurubahasa percuma dibiayai Jabatan Perkhidmatan Sosial.

Jika anda kurang pendengaran, jurubahasa Auslan disediakan untuk temu janji perubatan swasta oleh National Auslan Booking and Payment Service (NABS – Perkhidmatan Pemesanan dan Pembayaran Auslan Nasional) secara percuma. NABS boleh dihubungi melalui laman web mereka www.nabs.org.au.

Di manakah Kad Jurubahasa tidak boleh digunakan?

Banyak perniagaan dan perkhidmatan komersial tidak menyediakan jurubahasa.

Organisasi seperti hospital dan klinik swasta, sekolah swasta, perkhidmatan undang-undang swasta dan syarikat pengangkutan swasta mungkin bersedia menguruskan jurubahasa, tetapi mungkin meminta anda membayarnya.

Jika anda kurang pendengaran, pembekal khidmat pendidikan swasta dikehendaki menyediakan jurubahasa Auslan sejajar dengan *Disability Discrimination Act (Education Standards)* (Akta Diskriminasi Orang Kurang Upaya (Piawai Pendidikan)).

Terjemahan risalah ini dalam sejumlah bahasa, serta penerangan tentang Dasar Perkhidmatan Bahasa Australia Barat, boleh didapati di laman web Office of Multicultural Interests (OMI – Pejabat Kepentingan Berbilang Budaya): www.omi.wa.gov.au

Untuk penerangan lanjut, sila hubungi OMI melalui telefon 6552 7300 atau e-mel harmony@omi.wa.gov.au